



# IHYA' RAMADAN PERINGKAT UniMAP 1431H



Saban tahun, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sentiasa mempunyai rencananya yang tersendiri dalam meraikan sambutan Ramadan Al - Mubarak. Pada tahun 2010 ini, seperti kebiasaannya UniMAP telah menggariskan pelbagai aktiviti yang menarik sepanjang bulan Ramadan yang melibatkan penyertaan seluruh kakitangannya.



Sambutan Ramadan Al - Mubarak telah dimulakan dengan Majlis Pelancaran Ihya' Ramadan yang telah dilancarkan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP, Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal pada 9 Ogos bertempat di Dewan Kapitol UniMAP. Turut diadakan pada majlis pelancaran itu ialah aktiviti memasak bubur lambuk yang kemudiannya diagihkan kepada semua jabatan dikendalikan oleh Pusat Islam UniMAP.

Aktiviti memasak bubur lambuk turut diadakan pada 16, 23 dan 30 Ogos 2010 di lokasi pilihan iaitu Masjid Al - Kauthar di Paya, Masjid Titi Tinggi dan Masjid Padang Besar. Bubur lambuk kemudiannya diagihkan kepada penduduk kampung di lokasi terbabit dan kakitangan UniMAP yang dikelolakan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik.

Selain itu, bagi merapatkan hubungan antara UniMAP dan masyarakat, Program Solat Jumaat bersama Masyarakat telah diadakan di tiga masjid berasingan iaitu Masjid Jannatul Naim Sungai Paya (13 Ogos 2010), Masjid Tuanku Syed Putra Jamalullail Kangar (20 Ogos 2010), dan Masjid Pekan Pauh (3 September 2010).

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan kakitangan UniMAP turut bersama-sama menunaikan solat Jumaat di masjid-masjid tersebut selain menyumbangkan wang tunai RM 500 dan cenderahati kepada pihak masjid. Tidak ketinggalan, anak-anak kariah masjid tersebut juga turut menerima duit raya dan buah kurma tanda ingatan dari UniMAP.

Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita (PISKANITA) UniMAP juga turut tidak ketinggalan menganjurkan Program Bicara Ramadan iaitu program bual bicara agama yang bertajuk 'Di Bawah Lembayung Ramadan' di mana panel program tersebut ialah Ustaz Ahmad Sirajuddin Bin Abd Sattar, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis dan dipengerusikan oleh Ustaz Mohd Nazim Mohd Noor, kakitangan Pusat Islam UniMAP sendiri.



Ceramah agama turut dianjurkan sempena Nuzul Al - Quran yang bertajuk 'Inspirasi Al - Quran: Pendedahan Mukjizat Melalui Kajian Sains' di Dewan Kapitol di sini dengan dipengerusikan oleh Ustaz Mohd Nazim dan ahli panelnya terdiri daripada Pegawai Perubatan, Merangkap Presiden Dewan Pemuda Masjid Malaysia, Ustaz Dr. Hj. Jamnul Azhar Mulkan dan Poliklinik Dr. Azhar dan Rakan-rakan iaitu Dr. Hj. Ku Azhar Bin Hj. Ku Baharum. UniMAP juga turut menganjurkan Majlis Tilawah Al - Quran peringkat UniMAP yang diadakan pada 24 Ogos 2010 di Dewan Kapitol di mana majlis tersebut telah dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Naib Canselor UniMAP sendiri.



Pertandingan yang mempunyai dua kategori iaitu kakitangan dan pelajar, qari dan qariah telah menyaksikan persaingan sengit 31 peserta di mana johan bagi qari dan qariah kategori kakitangan dan pelajar masing-masing adalah milik Tunku Muhammad Nizar dan Tunku Mansur dari PPK Sistem Elektrik, Shahrizah Hashim dari Jabatan Keselamatan, Mohd Saifuddin Haji Hasan dari PPK Bahan dan Yasirah Suhaimi, dari Pusat Pengajian Inovasi dan Teknousahawan.



Sementara itu pada majlis lain, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibnu Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tuanku Raja Perlis berkenan menyempurnakan pelancaran naiktaraf Unit Agama Islam UniMAP kepada Pusat Islam UniMAP pada majlis Ihtifal Ihya' Ramadan yang diadakan pada 17 Ramadan 1431H bersamaan 27 Ogos 2010 bertempat di Dewan 2020 Kangar. Turut sama berangkat pada majlis berbuka puasa dan solat terawih tersebut adalah Duli Yang Teramat Mulia Canselor dan Duli Yang Teramat Mulia Pro Canselor UniMAP.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran anak-anak yatim dan sekolah angkat UniMAP serta persembahan dari artis jemputan iaitu, Mua'dz dan Hafiz Al-Gebra (Mr Gendang) dan kakitangan serta pelajar UniMAP.



PPK Komputer Perhubungan dan PPK Sistem Elektrik pula dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan Pertandingan Nasyid antara Jabatan UniMAP yang disertai oleh 24 kumpulan mewakili jabatan-jabatan di UniMAP di mana Kumpulan Ar - Raeez yang diwakili oleh Jabatan Canselori kekal johan keseluruhan bagi dua tahun berturut-turut dalam pertandingan tersebut. Tempat kedua pula disandang oleh Kumpulan Soutul Falah yang diwakili oleh Pusat Hal Ehwal Antarabangsa (PHEA), Unit Pembangunan Lestari (UPL), Unit Pengajian dan Pembelajaran (UPP). Manakala Kolej Kediaman UniMAP yang dikenali sebagai Baitul Talamiz sekadar berpuas hati ditempat ketiga dan Al - Barakah dari Jabatan Keselamatan pula dinobatkan sebagai pemenang kategori Solo. Selain itu, UniMAP turut menganjurkan Majlis Khatam Al - Quran yang disertai oleh kakitangan dan pelajar UniMAP sendiri. Manakala, program Jejak Kampus@Ulu Pauh pula mempunyai kelainannya yang tersendiri iaitu dengan mengadakan acara membuat kuih buah melaka sebelum kakitangan dan pelajar antarabangsa UniMAP disajikan dengan tazkirah Ramadan yang dikelolakan oleh Pusat Islam UniMAP. Aktiviti lain yang turut diadakan sepanjang bulan Ramadan ialah mengedar risalah Ramadan, tadarus Al-Quran dan juga Infaq Ramadan@UniMAP yang julung kali diadakan pada tahun ini. Infaq Ramadan berperanan bagi mendapatkan sebilangan dana yang akan disumbangkan kepada pihak yang memerlukan sama ada di hospital-hospital, rumah anak yatim dan sebagainya.

